

16/09/2003

'Peluang cerah tawan Kelantan'

Zulkifli Md Ali; Mona Ahmad; Azman Mahmood; Manzaidi Mohd Amin
KOTA BHARU: Umno Kelantan mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya akan datang berikutan Pas kini jelas sudah kehabisan isu dan gagal menunaikan janji.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata aset utama Umno negeri ini ialah kelemahan Pas, tetapi Umno Kelantan perlu berjuang untuk menjamin kemenangan parti.

"Amanat saya untuk Umno negeri ini tidak banyak dan pendek saja, orang lain buat ucapan... saya cuma bagi amanat supaya Umno negeri ini berjuang untuk parti. Pas dah tiada isu, mereka berjanji tetapi mungkir janji, tidak perlu cerita apalah, negara Islam yang kita perjuangkan, dia kata tidak betul.

"Tapi dunia sudah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan negara contoh kepada negara Islam lain.

"Pas ada tafsiran lain, Sheikh al-Azhar (Dr Mohammad Sayed Tantawi) pun tidak sebegitu hebat macam (Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul) Hadi (Awang). Sepatutnya, beliau menjadi khalifah di dunia ini," katanya selepas perjumpaan dengan pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri di Hotel Renaissance, di sini semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed dan timbalannya, Zaid Ibrahim serta ketua-ketua Umno bahagian negeri ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja sehari ke negeri ini menghadiri majlis santapan tengah hari bersama Sultan dan Raja Perempuan Kelantan di hotel berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Pas selalu meramalkan untuk mendapatkan banyak kerusi dalam pilihan raya.

"Pada 1999, Pas tumpang pada orang bermasalah, menggunakan orang itu... pacu betul-betul... dia (Pas) menang, orang itu kalah... padan muka orang itu," katanya.

Mengenai peluang merampas kembali kerajaan negeri pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Insyallah, mudah-mudahan kita boleh menang dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Mengenai bibit perpecahan di kalangan Umno negeri ini, beliau berkata pihaknya melihat perkara itu sudah berkurangan.

Mengulas cadangan Pas menubuhkan universiti di Kelantan bagi melahirkan graduan bermoral, Dr Mahathir berkata, beliau tidak yakin kerana Pas sendiri pun tidak ada moral.

"Ya lah Pas anggap semua graduan yang keluar dari universiti lain tidak bermoral. Jadi graduan universiti lain yang masuk Pas tiada moral lah... yang masuk Umno ada moral.

"Saya tidak yakin sebab dia (Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) sendiri pun tak ada moral, dia sembah Tuhan maha samseng... macam mana kita nak terima dia... dia kata Tuhan mencarut.

"Kalau dia anggap Tuhan mencarut dan (Datuk) Shanon Ahmad (Ahli Parlimen Sik) mencarut makna kata penuntut universiti dia mencarut tak ada moral lah," katanya.